

Hubungan antara Amalan dan Penguasaan Kemahiran Pemikiran Sejarah (The Relationship between the Practice and Acquisition of Historical Thinking Skills)

M. KAVIZA*

ABSTRAK

Kemahiran pemikiran sejarah dapat menjana pemikiran kritis melalui penilaian bukti sejarah dengan menghubungkaitkan satu peristiwa sejarah lampau dengan masa kini yang membolehkan murid mengaplikasikan pengajaran yang diperolehi dalam konteks kehidupan mereka. Kajian ini bertujuan untuk menentukan hubungan antara amalan dan penguasaan kemahiran pemikiran sejarah dan konstruknya, iaitu: 1) kemahiran memahami kronologi, 2) kemahiran meneroka bukti, 3) kemahiran membuat interpretasi, 4) kemahiran membuat imaginasi dan 5) kemahiran membuat rasionalisasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah. Kajian ini berbentuk tinjauan korelasi yang melibatkan 865 murid Tingkatan Dua daripada 30 sekolah menengah di sebuah negeri utara Semenanjung Malaysia yang dipilih melalui pensampelan rawak mudah. Instrumen kajian ini merupakan soal selidik dan ujian penguasaan kemahiran pemikiran sejarah. Dapatkan menunjukkan bahawa terdapat hubungan signifikan antara amalan dan penguasaan kemahiran pemikiran sejarah. Dari segi konstruknya, terdapat hubungan signifikan yang tinggi amalan dan penguasaan kemahiran membuat interpretasi. Manakala, terdapat hubungan signifikan sederhana tinggi amalan dan penguasaan kemahiran memahami kronologi, kemahiran meneroka bukti, kemahiran membuat imaginasi dan kemahiran membuat rasionalisasi. Kajian ini mencadangkan bahawa amalan dan penguasaan kemahiran pemikiran sejarah dan konstruknya perlu dipertingkatkan dengan lebih menyeluruh dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah.

Kata kunci: Amalan dan penguasaan, kemahiran pemikiran sejarah, korelasi

ABSTRACT

Historical thinking skills can generate critical thinking through the assessment of historical evidences by relating past and current historical events that enable students to apply what they learnt in their living context. This study aims to determine the relationship between historical thinking skills practice and acquisition, which consist of five constructs, which are: 1) chronology understanding skills, 2) exploration of evidences skills, 3) interpretation skills, 4) imagination skills and 5) rationalizing skills in the teaching and learning process. This study is a correlational survey involving 865 Form Two students from 30 secondary schools in a state of north Peninsular Malaysia using simple random sampling. A historical thinking skills questionnaire and an achievement test are used as the research instrument. Findings indicate that there is a significant relationship between practice and acquisition of historical thinking skills. In terms of the constructs, there is a higher significant relationship between practice and acquisition of interpretation skills. Whereas there are medium high significant relationships between practice and acquisition of chronology understanding skills, exploration of evidences skills, imagination skills and rationalizing skills. This study suggested that practice and acquisition of historical thinking skills have to be implemented comprehensively in the process of teaching and learning history.

Keywords: Historical thinking skills, practice and acquisition, correlation study

PENGENALAN

Perubahan yang berlaku dalam pendidikan sejarah di sekolah menengah di Malaysia dengan memperkenalkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang bertujuan untuk melahirkan murid yang menguasai ilmu sejarah dengan menekankan kesepadan antara komponen pengetahuan, kemahiran dan nilai (Pusat Perkembangan Kurikulum, PPK 2014; 2016). Perubahan kurikulum sejarah ini adalah seiring dengan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia tahun 2013

hingga 2025 (KPM 2013) yang menekankan kepentingan elemen kemahiran pemikiran sejarah. Matlamat penerapan kemahiran pemikiran sejarah adalah untuk menjana proses pemikiran yang kritis melalui penilaian daripada bukti sejarah dengan membuat hubung kait antara satu peristiwa sejarah yang berlaku pada masa lepas dengan masa kini yang membolehkan murid mengaplikasikan pengajaran yang diperolehi dalam konteks kehidupan mereka (Abdul Razaq Ahmad 2010; Rosy Talin 2015; Siti Hawa Abdullah 2008). Pemahaman ilmu sejarah melalui penghafalan maklumat sejarah yang berorientasikan peperiksaan tidak berupaya untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran

dan nilai yang telah disarankan dalam kurikulum sejarah (Fitzgerald 2009; Marino 2011). Sehubungan dengan itu, penjanaan kemahiran pemikiran sejarah dalam kurikulum sejarah adalah bertepatan dengan hasrat pihak Kementerian Pendidikan Malaysia yang memfokuskan kepada perubahan dalam kaedah pengajaran yang berpusatkan murid dan penekanan kepada elemen kemahiran berfikir aras tinggi (KPM 2013; PPK 2016).

Tidak dinafikan bahawa terdapat ramai murid yang tidak mendapat keputusan cemerlang dalam mata pelajaran sejarah disebabkan oleh kelemahan murid dalam mentafsir sejarah dan menjawab soalan pemikiran aras tinggi seperti yang dinyatakan dalam kajian Muhamad Yazid Khalil, (2018), Anuar Ahmad et al. (2009) dan Renuka Ramakrishnan, Norizan Esa dan Siti Hawa Abdullah (2014). Pendapat ini adalah konsisten dengan Laporan Analisis Prestasi Peperiksaan SPM tahun 2017 yang menjelaskan bahawa pencapaian mata pelajaran sejarah bagi murid-murid secara keseluruhannya pada peringkat nasional masih lagi kurang memuaskan dari segi kualiti dan kuantiti yang menekankan elemen kemahiran berfikir aras tinggi (Lembaga Peperiksaan Malaysia, LPM 2018). Walaupun terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi penerapan kemahiran pemikiran sejarah dalam mata pelajaran sejarah, namun amalan dan penguasaan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid didapati masih terhad dipraktikkan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran sejarah (Howell & Callahan 2016; Borries 1997; Wineburg 2010). Hal ini adalah kerana kelemahan murid dalam amalan kemahiran pemikiran sejarah yang merujuk kepada kebolehan mereka untuk mentafsir sejarah berkemungkinan menyebabkan murid tersebut gagal untuk membentuk suatu pemahaman sejarah secara lebih mendalam (Bickford II & Bickford 2015; Cowgill II & Waring 2017; Miki Kojiri & Seta 2015).

Maka, terdapat satu keperluan untuk menentukan sama ada amalan dan penguasaan kemahiran pemikiran sejarah saling mempengaruhi antara satu lain dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah dalam kalangan murid. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan antara amalan dan penguasaan kemahiran pemikiran sejarah dan konstruknya. Persoalan kajian ini ialah:

1. Adakah terdapat hubungan antara skor min amalan kemahiran pemikiran sejarah terhadap skor min penguasaan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid?
 - a. Adakah terdapat hubungan antara skor min amalan kemahiran memahami kronologi terhadap skor min penguasaan kemahiran memahami kronologi dalam kalangan murid?
 - b. Adakah terdapat hubungan antara skor min amalan kemahiran meneroka bukti terhadap skor min penguasaan kemahiran meneroka bukti dalam kalangan murid?
- c. Adakah terdapat hubungan antara skor min amalan kemahiran membuat interpretasi terhadap skor min penguasaan kemahiran membuat interpretasi dalam kalangan murid?
 - d. Adakah terdapat hubungan antara skor min amalan kemahiran membuat imaginasi terhadap skor min penguasaan kemahiran membuat imaginasi dalam kalangan murid?
 - e. Adakah terdapat hubungan antara skor min amalan kemahiran membuat rasionalisasi terhadap skor min penguasaan kemahiran membuat rasionalisasi dalam kalangan murid?
- Hipotesis nul (H_0) kajian dalam kajian ini adalah seperti berikut:
- H_{01} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara skor min amalan kemahiran pemikiran sejarah terhadap skor min penguasaan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid.
- H_{01a} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara skor min amalan kemahiran memahami kronologi terhadap skor min penguasaan kemahiran memahami kronologi dalam kalangan murid
- H_{01b} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara skor min amalan kemahiran meneroka bukti terhadap skor min penguasaan kemahiran meneroka bukti dalam kalangan murid
- H_{01c} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara skor min amalan kemahiran membuat interpretasi terhadap skor min penguasaan kemahiran membuat interpretasi dalam kalangan murid
- H_{01d} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara skor min amalan kemahiran membuat imaginasi terhadap skor min penguasaan kemahiran membuat imaginasi dalam kalangan murid
- H_{01e} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara skor min amalan kemahiran membuat rasionalisasi terhadap skor min penguasaan kemahiran membuat rasionalisasi dalam kalangan murid.

KEMAHIRAN PEMIKIRAN SEJARAH

Kemahiran pemikiran sejarah merupakan proses kognitif yang memerlukan murid-murid meneroka idea dan fakta yang kompleks dan abstrak yang membolehkan murid dapat memahami aspek kehidupan manusia silam sehingga hari ini secara kritis dan imaginatif (Rosy Talin 2015; PPK 2016). Oleh itu, kemahiran pemikiran sejarah adalah merujuk kepada disiplin ilmu sejarah itu sendiri kerana kemahiran tersebut perlu dipupuk dalam kalangan murid bagi membolehkan mereka memahami bagaimana ahli sejarah merekonstruksi sesuatu peristiwa lalu dengan menggunakan koleksi sumber sejarah yang menjadi bukti untuk menentukan kesignifikan sesuatu tarikh, tokoh, peristiwa, lokasi dan aktiviti manusia masa lalu (Miki et al. 2015; Twyman et al. 2006; Wineburg 1991). Murid perlu diajar memahami ciri sejarah supaya mereka dapat

meningkatkan pemikiran mereka dengan lebih kritis dan analitis.

Terdapat lima konstruk dalam kemahiran pemikiran sejarah yang perlu dikuasai, dipupuk dan diperkembangkan dalam kalangan murid seperti yang disarankan dalam kurikulum sejarah oleh pihak PPK (2016) adalah seperti berikut:

1. Kemahiran memahami kronologi merujuk kepada urutan waktu dan peristiwa sejarah. Murid dididik dengan kemahiran memahami tempoh masa kemajuan sesebuah tamadun.
2. Kemahiran meneroka bukti pula melibatkan kemahiran mengenal pasti dan membuat kaji banding antara sumber primer dengan sumber sekunder melalui kaedah lisan, kaedah bertulis dan kaedah arkeologi bagi membentuk pemahaman sejarah yang baik.
3. Kemahiran membuat interpretasi membolehkan murid untuk membuat tafsiran terhadap sesuatu peristiwa dengan memberi ulasan berdasarkan bukti sejarah dengan membuat perbezaan tafsiran dan perspektif yang wujud dalam kalangan ahli sejarah.
4. Kemahiran membuat imaginasi merupakan usaha untuk melibatkan murid dengan sesuatu situasi dalam peristiwa sejarah secara visual dan empati.
5. Kemahiran membuat rasionalisasi pula melibatkan kepada penggunaan akal fikiran

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan secara tinjauan yang berbentuk korelasi iaitu salah satu reka bentuk kajian untuk mencari atau hubungan yang wujud antara dua atau lebih pemboleh ubah kajian secara saintifik (Cresswell 2014). Reka bentuk kajian tersebut adalah bersesuaian dengan tujuan kajian ini untuk menentukan hubungan antara amalan dan penguasaan kemahiran pemikiran sejarah dan konstruknya dalam mata pelajaran sejarah. Seramai 865 orang murid Tingkatan Dua daripada 30 buah sekolah menengah di sebuah negeri utara Semenanjung Malaysia yang telah dijadikan sampel dalam kajian ini melalui teknik pensampelan rawak mudah. Jumlah sampel kajian ini adalah melebihi saiz minima sampel berdasarkan jadual penentuan saiz sampel seperti yang diberikan oleh Krejcie dan Morgan (1970).

Terdapat dua instrumen dalam kajian ini iaitu soal selidik yang telah diadaptasi daripada kajian Renuka Ramakrishnan, Norizan Esa dan Siti Hawa Abdullah (2014) yang terdiri daripada 35 item dengan menggunakan skala likert lima poin bagi mengukur kecenderungan amalan kemahiran pemikiran sejarah, manakala ujian penguasaan kemahiran pemikiran sejarah pula telah dibina oleh pengkaji yang terdiri daripada 15 item subjektif bagi mengukur prestasi penguasaan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid. Kedua-dua instrumen kajian tersebut telah melalui proses kesahan kandungan oleh dua orang pensyarah dalam bidang pendidikan sejarah dan seorang guru cemerlang sejarah yang berpengalaman

luas melebihi 10 tahun. Nilai kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* bagi soal selidik amalan kemahiran pemikiran sejarah adalah 0.95 dan ujian penguasaan kemahiran pemikiran sejarah pula 0.97 yang dianggap baik dan diterima untuk tujuan kajian ini (Nunnally 1978). Indeks diskriminasi dan kesukaran item bagi ujian penguasaan kemahiran pemikiran sejarah juga adalah baik dan diterima untuk tujuan kajian ini (Nitko 2004). Data statistik inferensi iaitu ujian korelasi *Pearson* dalam kajian ini dianalisis dengan menggunakan perisian pengaturcaraan “IBM SPSS Statistics” (Predictive Analytics Software) versi 24. Interpretasi kekuatan korelasi dalam kajian ini dilakukan berdasarkan interpretasi daripada kajian Davies (1971) seperti yang ditunjukkan pada Jadual 1.

JADUAL 1. Interpretasi kekuatan korelasi

| Skor Min | Tahap |
|-----------|------------------|
| 0.70-1.00 | Amat tinggi |
| 0.50-0.69 | Tinggi |
| 0.30-0.49 | Sederhana tinggi |
| 0.10-0.29 | Rendah |
| 0.00-0.09 | Diabaikan |

Sumber: Adaptasi daripada Davies (1971)

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Bagi menjawab persoalan kajian (PK), maka hipotesis nul (H_0) kajian yang dibentuk telah diuji pada aras kesignifikanan ($p = 0.05$) seperti berikut:

HUBUNGAN ANTARA AMALAN DAN PENGUASAAN KEMAHIRAN PEMIKIRAN SEJARAH

H_{P1} : Adakah terdapat hubungan antara skor min amalan kemahiran pemikiran sejarah terhadap penguasaan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid?

H_{O1} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara skor min amalan kemahiran pemikiran sejarah terhadap penguasaan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid.

JADUAL 2. Korelasi skor min amalan kemahiran pemikiran sejarah terhadap skor min penguasaan kemahiran pemikiran sejarah

| Amalan kemahiran pemikiran sejarah | Penguasaan kemahiran pemikiran sejarah | |
|---------------------------------------|---|--------|
| | Pearson Correlation | 0.53** |
| Sig | | 0.00 |
| N | | 865 |

Analisis statistik inferensi mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara skor min amalan kemahiran pemikiran sejarah terhadap skor min penguasaan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid. Berdasarkan Jadual 2, dapatan kajian ini melaporkan bahawa nilai koefisien korelasi *Pearson* antara skor min amalan kemahiran pemikiran sejarah terhadap skor min penguasaan kemahiran pemikiran sejarah adalah signifikan [$r = 0.53, p = 0.00$]. Oleh itu, terdapat hubungan linear yang positif yang tinggi antara skor min amalan kemahiran pemikiran sejarah terhadap skor min penguasaan kemahiran pemikiran sejarah. Maka, H_{01} berjaya ditolak.

Justeru, dapat dirumuskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara skor min amalan kemahiran pemikiran sejarah terhadap skor min penguasaan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid. Hal ini menunjukkan bahawa sekiranya amalan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid adalah tinggi, maka skor min penguasaan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid juga adalah tinggi.

Secara keseluruhannya, hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan linear positif yang tinggi antara amalan dan penguasaan kemahiran pemikiran sejarah dan konstruknya yang merupakan elemen penting yang saling berkait antara satu sama lain yang perlu diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah dalam kalangan murid. Hal ini adalah disebabkan oleh struktur disiplin sejarah dalam kurikulum sejarah yang telah menggariskan kepentingan elemen kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid bagi meningkatkan pemahaman terhadap kandungan sejarah itu sendiri berdasarkan analisis bukti sejarah.

Sungguhpun begitu, faktor yang dikaji tidak dihadkan kepada amalan dan penguasaan kemahiran pemikiran sejarah dan konstruknya sahaja, malah ianya perlu ditentukan dengan pelbagai faktor yang lain dalam kurikulum sejarah agar suatu gambaran yang lebih luas dan tepat berkaitan prestasi mata pelajaran sejarah dapat dilakukan. Bagi amalan dan penguasaan kemahiran pemikiran sejarah, dapatan kajian ini adalah seiring dengan kajian Atkin (2016), Boerman-Cornell (2015), Howell dan Callahan (2016), Miki et al. (2015) dan Cowgill II dan Waring (2017) yang mendapati bahawa pelaksanaan strategi kemahiran pemikiran sejarah yang baik dalam kalangan murid dapat mempengaruhi peningkatan pemahaman murid dalam kandungan sejarah tersebut yang secara tidak langsung dapat meningkatkan pencapaian murid yang lebih baik.

Tambahan pula, kesimpulan yang sama juga dapat dibuat terhadap kelima-lima konstruk dalam kemahiran pemikiran sejarah iaitu kemahiran memahami kronologi, kemahiran meneroka bukti, kemahiran membuat interpretasi, kemahiran membuat imaginasi, dan kemahiran membuat rasionalisasi yang mempunyai kaitan dengan peningkatan dan penurunan dalam pencapaian mata pelajaran sejarah.

HUBUNGAN ANTARA AMALAN DAN PENGUASAAN KEMAHIRAN MEMAHAMI KRONOLOGI

H_01 : Adakah terdapat hubungan antara skor min amalan kemahiran memahami kronologi terhadap penguasaan kemahiran memahami kronologi dalam kalangan murid?

H_{01} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara skor min amalan kemahiran memahami kronologi terhadap skor min penguasaan kemahiran memahami kronologi dalam kalangan murid.

JADUAL 3. Korelasi skor min amalan kemahiran memahami kronologi terhadap skor min penguasaan kemahiran memahami kronologi

| | Penggunaan kemahiran memahami kronologi |
|-------------------------------------|---|
| Amalan kemahiran memahami kronologi | <i>Pearson Correlation</i> 0.44** |
| | <i>Sig</i> 0.00 |
| | <i>N</i> 865 |

Analisis statistik inferensi mendapati bahawa terhadap hubungan yang signifikan antara skor min amalan kemahiran memahami kronologi terhadap skor min penguasaan kemahiran memahami kronologi dalam kalangan murid. Berdasarkan Jadual 3, dapatan kajian ini melaporkan bahawa nilai koefisien korelasi *Pearson* antara skor min amalan kemahiran memahami kronologi terhadap skor min penguasaan kemahiran memahami kronologi adalah signifikan [$r = 0.44, p = 0.00$]. Oleh itu, terdapat hubungan linear yang positif yang sederhana tinggi antara skor min amalan kemahiran memahami kronologi terhadap skor min penguasaan kemahiran memahami kronologi. Maka, H_{01} berjaya ditolak.

Justeru, dapat dirumuskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara skor min amalan kemahiran memahami kronologi terhadap skor min penguasaan kemahiran memahami kronologi dalam kalangan murid. Hal ini menunjukkan bahawa sekiranya amalan kemahiran memahami kronologi dalam kalangan murid adalah tinggi, maka skor min penguasaan kemahiran memahami kronologi dalam kalangan murid juga adalah tinggi.

Selain itu, pemahaman sesuatu peristiwa sejarah secara berturutan dan sistematik mengikut konteks perubahan masa dapat meningkatkan kebolehan murid untuk membuat kesinambungan antara peristiwa-peristiwa tersebut dengan baik. Pendapat ini adalah selaras dengan pendapat Fordham (2014) yang menjelaskan kepentingan menguasai konsep masa semasa proses pengajaran dan pembelajaran sejarah. Sungguhpun begitu, dapatan kajian ini adalah bertepatan dengan kajian Groot-Reuvekamp dan Ros (2017) yang melaporkan bahawa amalan kemahiran memahami kronologi melalui kaedah *Timewise* adalah berkesan untuk meningkatkan penguasaan murid dalam pemahaman konsep masa dalam kalangan murid sekolah

rendah. Oleh itu, amalan dan penguasaan kemahiran memahami kronologi saling mempengaruhi antara satu sama lain.

HUBUNGAN ANTARA AMALAN DAN PENGUASAAN KEMAHIRAN MENEROKA BUKTI

H_0_{lb} : Adakah terdapat hubungan antara skor min amalan kemahiran meneroka bukti terhadap penguasaan kemahiran meneroka bukti dalam kalangan murid?

H_1_{lb} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara skor min amalan kemahiran meneroka bukti terhadap penguasaan kemahiran meneroka bukti dalam kalangan murid.

JADUAL 4. Korelasi skor min amalan kemahiran meneroka bukti terhadap skor min penguasaan kemahiran meneroka bukti

| | | Penguasaan kemahiran meneroka bukti |
|---------------------------------|----------------------------|-------------------------------------|
| Amalan kemahiran meneroka bukti | <i>Pearson Correlation</i> | 0.41** |
| | <i>Sig</i> | 0.00 |
| | <i>N</i> | 865 |

Analisis statistik inferensi mendapati bahawa terhadap hubungan yang signifikan antara skor min amalan kemahiran meneroka bukti terhadap skor min penguasaan kemahiran meneroka bukti dalam kalangan murid. Berdasarkan Jadual 4, dapatkan kajian ini melaporkan bahawa nilai koefisien korelasi *Pearson* antara skor min amalan kemahiran meneroka bukti terhadap skor min penguasaan kemahiran meneroka bukti adalah signifikan [$r = 0.41, p = 0.00$]. Oleh itu, terdapat hubungan linear yang positif yang sederhana tinggi antara skor min amalan kemahiran meneroka bukti terhadap skor min penguasaan kemahiran meneroka bukti. Maka, H_{0lb} berjaya ditolak.

Justeru, dapat dirumuskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara skor min amalan kemahiran meneroka bukti terhadap skor min penguasaan kemahiran meneroka bukti dalam kalangan murid. Hal ini menunjukkan bahawa sekiranya amalan kemahiran meneroka bukti dalam kalangan murid adalah tinggi, maka skor min penguasaan kemahiran meneroka bukti dalam kalangan murid juga adalah tinggi.

Selain itu, proses penerokaan maklumat sejarah dapat menggalakkkan murid untuk menentukan dan membandingkan kebenaran sesuatu peristiwa sejarah secara kritis berdasarkan bahan-bahan bukti yang kukuh seperti yang diutarakan oleh pengkaji Miki et al. (2015) dalam kajiannya. Menurut Miki et al. (2015), kemahiran meneroka bukti dapat meningkatkan penguasaan murid dengan membuat hubungkait antara sebab dan akibat berlakunya sesuatu peristiwa sejarah dan menentukan kesahihan peristiwa tersebut daripada pelbagai perspektif. Maka, pendapat Miki et al. (2015) tersebut adalah selari

dengan dapatkan kajian ini yang menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara amalan dan penguasaan kemahiran meneroka bukti yang sederhana tinggi dalam kalangan murid. Tambahan pula, pendapat Boerman-Cornell (2015) menjelaskan bahawa kebolehan murid mengelaskan kandungan sejarah mengikut konstruk tertentu dapat meningkatkan kefahaman konsep sejarah dalam kalangan murid dan pendapat ini adalah juga seiring dengan dapatkan kajian ini yang menunjukkan amalan dan penguasaan murid dalam kemahiran meneroka bukti adalah saling mempengaruhi antara satu sama lain.

HUBUNGAN ANTARA AMALAN DAN PENGUASAAN KEMAHIRAN MEMBUAT INTERPRETASI

H_0_{lc} : Adakah terdapat hubungan antara skor min amalan kemahiran membuat interpretasi terhadap skor min penguasaan kemahiran membuat interpretasi dalam kalangan murid?

H_1_{lc} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara skor min amalan kemahiran membuat interpretasi terhadap skor min penguasaan kemahiran membuat interpretasi dalam kalangan murid.

JADUAL 5. Korelasi skor min amalan kemahiran pemikiran sejarah terhadap skor min penguasaan kemahiran membuat interpretasi

| | | Penguasaan kemahiran membuat interpretasi |
|---------------------------------------|----------------------------|---|
| Amalan kemahiran membuat interpretasi | <i>Pearson Correlation</i> | 0.52** |
| | <i>Sig</i> | 0.00 |
| | <i>N</i> | 865 |

Analisis statistik inferensi mendapati bahawa terhadap hubungan yang signifikan antara skor min amalan kemahiran membuat interpretasi terhadap skor min penguasaan kemahiran membuat interpretasi dalam kalangan murid. Berdasarkan Jadual 5, dapatkan kajian ini melaporkan bahawa nilai koefisien korelasi *Pearson* antara skor min amalan kemahiran membuat interpretasi terhadap skor min penguasaan kemahiran membuat interpretasi adalah signifikan [$r = 0.52, p = 0.00$]. Oleh itu, terdapat hubungan linear yang positif yang tinggi antara skor min amalan kemahiran membuat interpretasi terhadap skor min penguasaan kemahiran membuat interpretasi. Maka, H_{0lc} berjaya ditolak.

Justeru, dapat dirumuskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara skor min amalan kemahiran membuat interpretasi terhadap skor min penguasaan kemahiran membuat interpretasi dalam kalangan murid. Hal ini menunjukkan bahawa sekiranya amalan kemahiran membuat interpretasi dalam kalangan murid adalah tinggi, maka skor min penguasaan kemahiran membuat interpretasi dalam kalangan murid juga adalah tinggi.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa amalan dan penguasaan kemahiran membuat interpretasi telah memperjelaskan varians yang tertinggi kerana penguasaan pemahaman sejarah dapat dipertingkatkan apabila murid terlibat dalam strategi analisis kandungan sejarah secara mendalam. Dapatan ini adalah selaras dengan kajian Young (2012) dan Wineburg (1991; 2010) yang melaporkan bahawa murid adalah berupaya untuk membuat interpretasi yang baik dan meningkatkan daya kefahaman mereka dalam kandungan sejarah melalui proses analisis bahan-bahan sejarah. Pendapat ini adalah selari dengan pendapat Renuka Ramakrishnan et al. (2014) dan Sharifah Nor Puteh et al. (2010) yang menjelaskan bahawa kemahiran pemikiran sejarah dapat dipertingkatkan melalui penggunaan sumber sejarah digital dan pengajaran sejarah yang mempengaruhi pencapaian mata pelajaran sejarah secara tidak langsung dalam kalangan murid.

HUBUNGAN ANTARA AMALAN DAN PENGUASAAN KEMAHIRAN MEMBUAT IMAGINASI

PK_{1d} : Adakah terdapat hubungan antara skor min amalan kemahiran membuat imaginasi terhadap skor min penguasaan kemahiran membuat imaginasi dalam kalangan murid?

Ho_{1d} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara skor min amalan kemahiran membuat imaginasi terhadap skor min penguasaan kemahiran membuat imaginasi dalam kalangan murid.

JADUAL 6. Korelasi skor min amalan kemahiran membuat imaginasi terhadap skor min penguasaan kemahiran membuat imaginasi

| Penguasaan kemahiran membuat imaginasi | | |
|--|----------------------------|--------|
| Amalan kemahiran membuat imaginasi | <i>Pearson Correlation</i> | 0.40** |
| | <i>Sig</i> | 0.00 |
| | <i>N</i> | 865 |

Analisis statistik inferensi mendapati bahawa terhadap hubungan yang signifikan antara skor min amalan kemahiran membuat imaginasi terhadap skor min penguasaan kemahiran membuat imaginasi dalam kalangan murid. Berdasarkan Jadual 6, dapatan kajian ini melaporkan bahawa nilai koefisien korelasi *Pearson* antara skor min amalan kemahiran membuat imaginasi terhadap skor min penguasaan kemahiran membuat imaginasi adalah signifikan [$r = 0.40, p = 0.00$]. Oleh itu, terdapat hubungan linear yang positif yang sederhana tinggi antara skor min amalan kemahiran membuat imaginasi terhadap skor min penguasaan kemahiran membuat imaginasi. Maka, H_{0d} berjaya ditolak.

Justeru, dapat dirumuskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara skor min amalan kemahiran membuat imaginasi terhadap skor min penguasaan

kemahiran membuat imaginasi dalam kalangan murid. Hal ini menunjukkan bahawa sekiranya amalan kemahiran membuat imaginasi dalam kalangan murid adalah tinggi, maka skor min penguasaan kemahiran membuat imaginasi dalam kalangan murid juga adalah tinggi.

Tambahan pula, kebolehan murid untuk menggambarkan sesuatu peristiwa sejarah didapati mempunyai hubungan rapat dengan peningkatan pencapaian mata pelajaran sejarah seperti diutarakan dalam kajian Huijgen, Boxtel, Grift dan Holthuis (2012) yang menjelaskan penguasaan pemikiran yang baik dapat dibentuk apabila murid dapat memahami sesuatu persekitaran manusia. Pendapat Huijgen et al. (2012) ini adalah selari dengan kajian Atkin (2016) yang mendapati murid yang berumur enam tahun mampu meningkatkan kemahiran membuat imaginasi dengan melukis semula pemahaman mereka. Oleh itu, pendapat kajian Huijgen et al. (2012) dan Atkin (2016) adalah konsisten daptan dengan kajian ini yang menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara amalan dan penguasaan kemahiran membuat imaginasi dalam kalangan murid.

HUBUNGAN ANTARA AMALAN DAN PENGUASAAN KEMAHIRAN MEMBUAT RASIONALISASI

PK_{1e} : Adakah terdapat hubungan antara skor min amalan kemahiran membuat rasionalisasi terhadap skor min penguasaan kemahiran membuat rasionalisasi dalam kalangan murid?

Ho_{1e} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara skor min amalan membuat rasionalisasi terhadap skor min penguasaan kemahiran membuat rasionalisasi dalam kalangan murid.

JADUAL 7. Korelasi skor min amalan kemahiran membuat rasionalisasi terhadap skor min penguasaan kemahiran membuat rasionalisasi

| Penguasaan kemahiran membuat rasionalisasi | | |
|--|----------------------------|--------|
| Amalan kemahiran membuat rasionalisasi | <i>Pearson Correlation</i> | 0.41** |
| | <i>Sig</i> | 0.00 |
| | <i>N</i> | 865 |

Analisis statistik inferensi mendapati bahawa terhadap hubungan yang signifikan antara skor min amalan kemahiran membuat rasionalisasi terhadap skor min penguasaan kemahiran membuat rasionalisasi dalam kalangan murid. Berdasarkan Jadual 7, dapatan kajian ini melaporkan bahawa nilai koefisien korelasi *Pearson* antara skor min amalan kemahiran membuat rasionalisasi terhadap skor min penguasaan kemahiran membuat rasionalisasi adalah signifikan [$r = 0.41, p = 0.00$]. Oleh itu, terdapat hubungan linear yang positif yang sederhana tinggi antara skor min amalan kemahiran membuat rasionalisasi

terhadap skor min penguasaan kemahiran membuat rasionalisasi. Maka, H_{ole} berjaya ditolak.

Justeru, dapat dirumuskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara skor min amalan kemahiran membuat rasionalisasi terhadap skor min penguasaan kemahiran membuat rasionalisasi dalam kalangan murid. Hal ini menunjukkan bahawa sekiranya amalan kemahiran membuat rasionalisasi dalam kalangan murid adalah tinggi, maka skor min penguasaan kemahiran membuat rasionalisasi dalam kalangan murid juga adalah tinggi.

Oleh kerana pemikiran sejarah merupakan proses kognitif yang memerlukan murid untuk meneroka idea sejarah secara kritis dan analitis (Rosy 2015; PPK 2016), maka dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian Cowgill dan Waring (2017), Lee (2013) dan kajian De La Paz dan Wissinger (2014) yang menjelaskan bahawa amalan penilaian teks sejarah dan penulisan hujah sejarah secara kritis dilaporkan dapat meningkatkan kualiti penguasaan sejarah dalam kalangan murid. Hal ini kerana murid dapat membuat proses penaakulan terhadap pembacaan dan penulisan sejarah yang dapat membina kebolehan membuat pertimbangan yang adil.

IMPLIKASI DAN KESIMPULAN

Kajian ini berjaya mengenal pasti bahawa amalan dan penguasaan kemahiran pemikiran sejarah adalah saling mempengaruhi antara satu sama lain iaitu terdapat hubungan linear positif yang tinggi dalam kalangan murid. Dari segi konstruknya pula, kemahiran memahami kronologi, kemahiran meneroka bukti, kemahiran membuat imaginasi dan kemahiran membuat rasionalisasi menunjukkan hubungan linear positif yang sederhana tinggi, manakala kemahiran membuat interpretasi menunjukkan hubungan linear positif yang tinggi antara amalan dan penguasaannya. Implikasi kajian ini telah mencadangkan agar pengajaran dan pembelajaran sejarah perlu diubah daripada kaedah hafalan kepada penerapan kemahiran pemikiran sejarah, di samping guru perlu memainkan peranan penting dengan memberi peluang kepada murid untuk melibatkan diri dalam amalan dan penguasaan kemahiran pemikiran sejarah secara berterusan di dalam kelas. Sehubungan itu, semua pihak sama ada pihak pentadbiran sekolah, pihak Pusat Perkembangan Kurikulum, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan sebagainya perlu berkerjasama untuk merancang strategi dan langkah-langkah khusus untuk menerapkan amalan dan penguasaan kemahiran pemikiran sejarah di semua peringkat persekolahan. Kesimpulannya, kepentingan penerapan elemen kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid tidak boleh diabaikan lagi kerana mereka merupakan aset penting dalam pembangunan negara pada masa akan datang.

RUJUKAN

- Abdul Razaq Ahmad. 2010. The acquisition of conceptual understanding of historical thinking in the context of multi-ethnic students in Malaysia. *Historia: Jurnal Pendidikan dan Penelitian Sejarah* 10(2): 108-119.
- Aktin, K. 2016. A Semiotic analysis on the utilization of historical thinking skills in pre-school period. *Academic Journals* 11: 1335-1366.
- Anuar Ahmad, Siti Haishah Abdul Rahim & Nur Atiqah T.Abdullah. 2009. Tahap keupayaan pengajaran guru sejarah dan hubungannya dengan pencapaian murid berprestasi rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(1): 53-66.
- Bickford II, J.H. & Bickford, M.S. 2015. Historical thinking, reading and writing about world's newest nation, south Sudan. *Social Studies Research and Practice* 10(2): 111-123.
- Boerman-Cornell, W. 2015. Using historical graphic novels in high school history classes: Potential for contextualization, sourcing, and corroborating. *The History Teacher* 48(2): 209-224.
- Borries, B.V. 1997. Concepts of historical thinking and historical learning in the perspective of German students and teachers. *International Journal of Educational Research* 27(3): 211-220.
- Cowgill II, D.A. & Waring, S.M. 2017. Historical thinking: an evaluation of student and teacher ability to analyze sources. *Journal of Social Studies Education Research* 8(1): 115-145.
- Creswell, J.W. 2014. *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research* (4th Edition). United States of America: Pearson New International Edition.
- Davies, J.A. 1971. *Elementary Survey Analysis*. New Jersey: Prentice Hall.
- De La Paz, S. & Wissinger, D.R. 2016. Improving the historical knowledge and writing of students with as at risk for learning disabilities. *Journal of Learning Disabilities*: 1-14.
- Fitzgerald, J.C. 2009. Textbooks and Primary Source Analysis. *Social Studies Research and Practice* 4(8): 37-43.
- Fordham, M. 2014. ‘But why then?’ Chronological context and historical interpretations. *Teaching History* 156: 32-40.
- Groot-Reuvekamp, M.D. & Ros, A. 2017. Improving elementary school students understanding of historical time: effects of teaching with “timewise.” *Theory & Research in Social Education*: 1-33.
- Howell, J.B. & Callahan, C. 2016. Making sense of public issues with songs. *Social Studies Research and Practice* 11(2): 80-91.
- Huijgen, T., Boxtel, C.V., Griff, W.V., & Holthuis, P. 2017. Towards historical perspective taking: Students’ reasoning when contextualizing the actions of people in the past. *Theory & Research in Social Education* 45: 110-144.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Krejcie, V.R. & Morgan, W.D. 1970. *Determining Sample Size for Research Activities. Educational and Psychologist Measurement*. Duluth: University of Minnesota.
- Lee, M. 2013. Promoting historical thinking using the explicit reasoning text. *The Journal of Social Studies Research* 37: 33-45.

- Lembaga Peperiksaan Malaysia. 2018. *Laporan Analisis Keputusan Peperiksaan SPM Tahun 2013 hingga Tahun 2017*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Marino, M.P. 2011. High school world history textbooks: an analysis of content focus and chronological approaches. *The History Teacher* 44(3): 421- 446.
- Miki, Y., Kojiri, T. & Seta, K. 2015. "If thinking" support system for training historical thinking. *Procedia Computer Science* 60: 1542-1551.
- Muhamad Yazid Khalil. 2018. Tahap pengetahuan guru sejarah sekolah rendah dalam kemahiran pemikiran sejarah. *Prosiding National Innovation and Invention Competition through Exhibition (iCompEx18)*.
- Nitko, A.J. 2004. *Educational Assessment of Students* (4th Edition). Upper Saddle River, New Jersey: Merrill.
- Nunnally, J.C. 1978. *Psychometric Theory* (2nd Ed). New York: McGraw Hill.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. 2014. *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Mata Pelajaran Sejarah Tahun Enam*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. 2016. *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan Dua*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Renuka Ramakrishnan, Norizan Esa & Siti Hawa Abdullah. 2014. Kesan Penggunaan Sumber Sejarah Digital Terhadap Kemahiran Pemikiran Sejarah. 23rd International Conference of Historians of Asia 2014 (IAHA 2014), 23-27 Ogos 2014, Alor Setar, Kedah Malaysia.
- Rosy Talin. 2015. Historical Thinking Skills – The Forgotten Skills?. *International Journal of Learning and Teaching* 7(1): 15-23.
- Sharifah NorPuteh, Nooreiny Maaruf & Elisabeth Tak. 2010. Students' perception of the teaching of historical thinking skills. *Pertanika Journal Social Science & Humanities* 18(S): 87-95.
- Siti Hawa Abdullah. 2008. Takrif dan ciri-ciri pemikiran sejarah. *Pendidikan Sejarah* 9(1): 98-106.
- Twyman, T., McCleery, J. & Tindal, G. 2006. Using concepts to frame history content. *The Journal of Experimental Education* 74(4): 331-349.
- Wineburg, S. 1991. Historical problem solving: A study of the cognitive processes used in the evaluation of documentary and pictorial evidence. *Journal of Educational Psychology* 83: 73-87.
- Wineburg, S. 2010. Historical thinking and other unnatural acts. *Kappan Classic* 92(4): 81-94.
- Young, S. 2012. Understanding History through the visual Images in Historical Fiction. *Language Art* 89(6): 379-395.
- M. Kaviza
Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden
Universiti Utara Malaysia
Emel: kavizakaviza@yahoo.com
- *Pengarang untuk surat-menyurat, emel: kavizakaviza@yahoo.com
- Diserahkan: 18 November 2018
Diterima: 28 Januari 2019
Diterbitkan: 31 Mei 2019